

Headline	Mimos mahu komersialkan kapsul siber		Language	MALAY
Date	01. Dec 2007		Page No	4
Media Title	Berita Harian		Article Size	135 cm2
Section	Nasional		Frequency	Daily
Circulation	217991		Color	Full Color
Readership	762968			



Mimos mahu komersialkan kapsul siber

MIMOS Bhd (Mimos) merancang bekerjasama dengan penggerak industri bagi mengkomersialkan komputer peribadi (PC) kapsul siber Mimos untuk segmen pengguna yang 'tidak celik' teknologi maklumat (IT), dikenali 'Mak-Cik PC' menjelang suku kedua 2008.

Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata pembangunan PC Mak-Cik yang masih pada peringkat prototaip itu disasarkan khusus untuk segmen pengguna yang tinggal di kawasan

luar bandar.

Katanya, Mimos sedang berbin-cang dengan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) bagi mengenal pasti segmen pengguna sasaran bagi merealisasikan inisiatif kerajaan dalam mengurangkan jurang digital yang berlaku ketika ini.

Beliau berkata, selain dihasilkan pada platform mesra pengguna, kelengkapan komputer yang dibangunkan Mimos itu bakal dipasarkan pada harga rendah, tidak melebihi AS\$100



(kira-kira RM336).

"PC Mak-Cik dihasilkan dengan lapan fungsi utama dipermudahkan menerusi aspek pengendalian menggunakan jari pada ikon yang senang untuk difahami pengguna, khususnya yang tidak celik teknologi.

"Ketika ini, kami sedang mengkaji model perniagaan bagi pengkomersialan produk Mak-Cik PC sebelum diperkenalkan di pasaran menjelang suku kedua tahun depan," katanya ketika menghadiri Nice 07 semalam.